

**Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab empat soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.**

- 1 (a) (i) Nyatakan pengertian insan [ 2 markah ]  
 (ii) Senaraikan dua tanggungjawab insan [ 2 markah ]  
 (b) Jelaskan dua akibat pengabaian tanggungjawab insan [ 4 markah ]

### Penyebaran hadis palsu bahaya, mengelirukan

**K**UALA LUMPUR: Umat Islam yang menyebarkan hadis palsu akan menempah tiket ke neraka dan dinasihati memberhentikan perbuatan mereka, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim.

Beliau berkata, meskipun penyebaran hadis palsu menerusi pelbagai medium seperti internet dan bahan bacaan di negara ini terkawal, namun perbuatan itu amat merbahaya, mengelirukan dan mengancam kesucian agama.

Umat Islam, katanya, perlu merujuk kepada laman web IslamGrid yang dibangunkan Jabatan Keadaman Islam Malaysia (JAKIM)

untuk mengetahui kesahihan hadis.

"Kita sudah ada laman web yang masukkan hadis untuk memudahkan umat Islam membuat rujukan dan diiktiraf semua pihak.

"Laman web biasa yang lain agak terdedah dengan hadis palsu dilakukan pihak tidak bertanggungjawab.

"Golongan ini harus berhati-hati (menyebarkan hadis) kerana sekiranya hadis itu palsu, tidak tepat, bukan datangnya dari Nabi sendiri, mereka sebenarnya berdepan dengan hukuman iaitu mempersiapkan diri masuk ke neraka," katanya kepada *Berita Harian*.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas penyebaran hadis palsu yang semakin menular di kalangan pengguna internet.

Mengulas lanjut, Mashitah berkata, pihaknya akan membuat pemantauan dan bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk menanganinya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Persatuan Ulama Malaysia, Roslan Mohd Nor menandatangani supaya kerajaan menubuhkan Pusat Kajian Hadis yang berfungsi sebagai pusat rujukan rasmi.

Pusat hadis itu katanya, boleh bertindak menterjemah dan mener-

bitkan khazanah ilmu hadis menggunakan bahasa Melayu bagi membolehkan penghayatan dan pemahaman terhadap hadis Nabi dapat dipertingkatkan.

"Sekarang, masyarakat awam masih membuat rujukan hadis melalui pelbagai kaedah sama ada melalui media siber atau bahan bacaan yang ada kalanya terdedah kepada risiko maklumat tidak sahih dan tidak tepat.

"Oleh itu, penubuhan pusat kajian setumpama ini membolehkan umat Islam membuat rujukan serta memperoleh akses mudah kepada maklumat beribawa dan diiktiraf," katanya.

#### Rajah 1

- (c) (i) Berdasarkan keratan akhbar di atas, jelaskan pandangan anda berhubung kesan-kesan buruk akibat penularan fahaman anti hadis terhadap masyarakat. [ 4 markah ]  
 (ii) Huraikan dua kepentingan hadis dalam kehidupan setiap muslim [ 4 markah ]  
 (d) Jelaskan dua peranan al-Quran dalam membimbing akal manusia [ 4 markah ]
- 2 (a) Huraikan dua aspek Syumuliyah ajaran Islam dalam bidang sosial [ 4 markah ]  
 (b) (i) Berikan maksud Waqi'iyah [ 2 markah ]  
 (ii) Jelaskan dua prinsip waqi'iyah [ 4 markah ]  
 (c) (i) Berikan maksud Alamiyyah [ 2 markah ]  
 (ii) Jelaskan dua prinsip Alamiyyah [ 4 markah ]  
 (d) Sebahagian daripada ajaran Islam dapat dilakukan mengikut keadaan dan situasi seseorang, namun daripada segi kewajipan dan pelaksanaannya adalah tetap dan tidak berubah.
- Jelaskan perkaitan antara murunah dan thabat dalam situasi berikut ;
- (i) Kewajipan zakat  
 (ii) Keharusan berbuka puasa [ 4 markah ]

- 3 (a) (i) Nyatakan definisi Negara Islam [ 2 markah ]  
(ii) Jelaskan dua ciri Negara Islam [ 4 markah ]
- (b) Terangkan dua tugas dan tanggungjawab khalifah [ 4 markah ]
- (c) Huraikan dua implikasi sekiranya seseorang mengabaikan tugas sebagai rakyat [ 4 markah ]
- (d) Seseorang hakim mesti menjatuhkan sebarang hukuman dengan adil bagi mengelakkan kezaliman.  
(i) Nyatakan dua prinsip kehakiman Islam [ 2 markah ]  
(ii) Terangkan faedah yang diperoleh sekiranya pernyataan di atas dilakukan oleh semua hakim di negara anda. [ 4 markah ]
- 4 (a) Harta adalah amanah Allah s.w.t. kepada manusia  
(i) Nyatakan pengertian bagi harta. [ 2 markah ]  
(ii) Jelaskan dua cara untuk menguruskan harta menurut Islam. [ 4 markah ]
- (b) Terangkan dua sebab mengapa Allah SWT membataskan hak milik harta kepada manusia. [ 4 markah ]
- (c) Islam mewajibkan umatnya bekerja dalam pelbagai bidang yang halal seperti bidang pertanian, perniagaan dan perindustrian.  
Nyatakan definisi bagi bekerja kerana Allah. [ 2 markah ]
- (d) Muamalah adalah suatu tatacara bagaimana manusia berhubung untuk memenuhi keperluan masing-masing.  
(i) Jelaskan amalan yang menjadikan suatu muamalah itu tidak sah menurut pandangan syarak. [ 4 markah ]  
(ii) Huraikan perbezaan antara sistem muamalah Islam dengan sistem muamalah konvensional. [ 4 markah ]

- 5 (a) Hukuman dalam perundangan Islam adalah adil dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan tanpa mengira kedudukan, pangkat dan keturunan seseorang
- (i) Jelaskan maksud bagi perundangan Islam [ 2 markah ]
- (ii) Huraikan dua keistimewaan perundangan tersebut. [ 4 markah ]
- (b) Qadha digunakan untuk menjatuhkan hukuman yang sewajarnya kepada pesalah
- (i) Berikan pengertian bagi istilah qadha [ 2 markah ]
- (ii) Jelaskan dua matlamat qadha dalam perundangan Islam [ 4 markah ]



Rajah 2

- (c) Rajah di atas memaparkan tentang matlamat yang perlu dicapai dalam perundangan Islam.
- (i) Huraikan cara bagaimana Islam mengajarkan umatnya supaya mampu memelihara keturunan. [ 4 markah ]
- (ii) Ramalkan apakah yang akan berlaku sekiranya setiap individu muslim mampu mencapai matlamat-matlamat di atas. [ 4 markah ]

6



**“Perpaduan ummah Islam sekarang ini telah menjadi begitu rapuh dan mudah dihancurkan oleh anasir yang tidak bertanggungjawab”**

- (a) Berdasarkan pernyataan di atas, berikan maksud perpaduan ummah. [ 2 markah ]
- (b) (i) Jelaskan langkah-langkah bagi menyelesaikan masalah di atas melalui akidah. [ 6 markah ]
- (ii) Huraikan apakah langkah yang paling sesuai bagi menyelesaikan masalah perpaduan ummah melalui akhlak. [ 6 markah ]
- (c) Antara ciri penyelesaian masalah menurut Islam ialah ianya dilakukan secara menyeluruh dan bersepadu.
- (i) Berdasarkan ciri di atas, terangkan apakah yang dimaksudkan dengan penyelesaian masalah Islam menyeluruh dan bersepadu? [ 2 markah ]
- (ii) Nyatakan dua perbezaan antara penyelesaian masalah Islam dengan penyelesaian masalah konvensional [ 4 markah ]

7 (a)

## Nenek mati ditarik peragut

- (i) Terangkan dua bentuk pencerobohan harta yang sering terjadi dikalangan masyarakat hari ini. [ 4 markah ]
- (ii) Huraikan tiga hujah anda mengapakah islam melarang umatnya melakukan perkara dalam rajah di atas. [ 6 markah ]



Rajah 4

- (b) Kemukakan hujah anda bagi menyelesaikan masalah di atas melalui undang-undang yang ditetapkan oleh Allah SWT. [ 6 markah ]
- (c) Jelaskan dua langkah penyelesaian masalah berdasarkan ajaran Islam. [ 4 markah ]

~KERTAS SOALAN TAMAT~

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

(PN.HAIRANIE BINTI MOHD SAAD)  
Guru Matapelajaran  
Tasawwur Islam  
SMK Chenderiang

(PN. WAN HAYATI BINTI WAN ABDULLAH)  
Ketua Panitia,  
Pendidikan Islam dan Tasawwur Islam  
SMK Chenderiang